KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	China intai peluang pelaburan RM61 bilion dalam teknologi, halal, pelancongan
PAUTAN	https://tinyurl.com/437ksj3v

China intai peluang pelaburan RM61 bilion dalam teknologi, halal, pelancongan

Oleh BERNAMA - November 2, 2026 @ 4:44pm



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengadakan sidang media selepas Mesyuarat Kerjasama Malaysia dan China Dalam Pelaburan, Perdagangan Dan Pemerkasaan Ekonomi di Hotel Pavilion, Bukit Bintang. NSTP/AIZUDDIN SAAD

Dapatkan berita ringkas di sini
Ringkaskan untuk saya

KUALA LUMPUR: Pelabur China menyatakan hasrat awal untuk melabur AS$15 bilion (kira-kira RM61 bilion) di Malaysia membabitkan enam sektor berpotensi tinggi, termasuk elektrik dan elektronik (E&E), semikonduktor serta industri halal.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata indikasi awal itu disampaikan dalam perbincangan bersama 58 ahli perniagaan China yang berada di negara ini bagi menghadiri Mesyuarat Kerjasama Malaysia-China dalam Pelaburan, Perdagangan dan Pemerkasaan Ekonomi.

Beliau berkata, kehadiran delegasi berkenaan mencerminkan keyakinan pelabur China terhadap potensi Malaysia sebagai destinasi pelaburan, khususnya dalam sektor berteknologi tinggi dan bernilai tambah.

"Sebelum kami mengadakan pertemuan, mereka sudah memberikan indikasi awal kepada saya mengenai hasrat untuk melabur AS$15 bilion.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Berita RTM
TAJUK	Malaysia berpotensi tarik pelaburan AS$15 bilion dari China
PAUTAN	https://tinyurl.com/msmxpyxx

Malaysia berpotensi tarik pelaburan AS$15 bilion dari China

2/11/2026 | 5:51 PM - NASIONAL



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi / Foto RTM

KUALA LUMPUR, 2 November – Malaysia berpotensi menarik pelaburan bernilai kira-kira AS$15 bilion dari China untuk mengembangkan operasi serta meneroka peluang pelaburan di negara ini.

RINGKASAN BERITA AI

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, enam sektor berpotensi telah dikenal pasti bagi menarik minat pelabur dari republik berkenaan.

Enam sektor berkenaan ialah sektor elektrik dan elektronik (E&E) serta semikonduktor, bahan industri khusus dan kejuruteraan berketepatan, ekonomi digital dan pemprosesan makanan halal, bidang teknologi kesihatan dan farmaseutikal serta pelancongan dan perhotelan.

"Mereka memilih Malaysia kerana menyedari potensi besar negara kita dalam bidang pelaburan. Saya juga mengenali kebanyakan daripada mereka, dan mereka kini lebih yakin terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan.

"Selepas ini, saya akan mengadakan sesi padanan perniagaan bersama bakal rakan strategik mereka. Saya turut membawa Ketua Setiausaha , Timbalan Ketua Setiausaha serta Ketua-ketua Pengarah agensi berkaitan."

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Malaysia Gazette
TAJUK	58 pelabur China beri indikasi pelaburan AS$15 bilion di Malaysia – Zahid
PAUTAN	https://tinyurl.com/2wudnj29

58 pelabur China beri indikasi pelaburan AS$15 bilion di Malaysia – Zahid

Oleh **Nur Adriana Azwa Rohan** - 2 November 2026



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dalam sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Kerjasama Malaysia-China dalam Pelaburan, Perdagangan dan Pemerkasaan Ekonomi di Pavilion Hotel Kuala Lumpur, hari ini.

KUALA LUMPUR – Seramai 58 tokoh perniagaan dari China memberikan indikasi awal pelaburan berjumlah AS$15 bilion (kira-kira RM70 bilion) di Malaysia menerusi Mesyuarat Kerjasama Malaysia-China dalam Pelaburan, Perdagangan dan Pemerkasaan Ekonomi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kumpulan pelabur berkenaan mewakili pelbagai sektor dan berhasrat mengembangkan operasi perniagaan mereka di Malaysia.

ADVERTISEMENT



Ericsson helps Malaysia turn its 5G ambitions into a nationwide digit...
Sponsored by: The Star Online
Learn More

PRN
MELAKA KE-16
MG Malaysia Gazette

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	UKAS
TAJUK	19 keluarga di Samarahan bakal nikmati kediaman lebih selesa menerusi PPRS
PAUTAN	https://tinyurl.com/4wn7r2x4

19 Keluarga Di Samarahan Bakal Nikmati Kediaman Lebih Selesa Menerusi PPRS



KOTA SAMARAHAN: Seramai 19 keluarga di Daerah Samarahan bakal menikmati kediaman lebih selesa menerusi pelaksanaan Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) yang melibatkan pembinaan rumah baharu dan kerja-kerja baik pulih kediaman.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah merangkap Ahli Parlimen Kota Samarahan, Datuk Rubiah Wang berkata, daripada jumlah itu, sembilan buah rumah akan dibina baharu dengan peruntukan RM85,000 bagi setiap unit termasuk kemudahan asas bekalan air dan elektrik, manakala 10 lagi rumah akan dibaik pulih dengan bantuan sehingga RM20,000 setiap satu.

"Pelaksanaan program berkenaan merupakan usaha berterusan kerajaan membantu golongan yang memerlukan, khususnya dalam menyediakan kediaman yang lebih selamat dan selesa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Majlis Penyerahan Cek Cura Program PPRS SAP 2/2026 Daerah Samarahan di Dewan Kampung Niup, di sini pada Ahad.

Tambahnya, keluasan rumah baharu kini ditingkatkan daripada 660 kaki persegi kepada 680 kaki persegi bagi memberikan ruang kediaman yang lebih selesa kepada penerima.

Menurut Datuk Rubiah, pemimpin masyarakat diminta memainkan peranan memantau kemajuan kerja supaya pembinaan serta pembaikan dapat disiapkan mengikut tempoh ditetapkan dan menepati kualiti yang diharapkan memandangkan kontraktor bagi pelaksanaan projek telah dikenal pasti.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	TVS
TAJUK	Dewan Rakyat: Pengeluaran getah merosot, RISDA perkukuh pelan mitigasi
PAUTAN	https://tinyurl.com/2zahdy97



Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) memperkukuh pelan mitigasi bagi menangani kemerosotan pengeluaran getah negara menerusi peningkatan produktiviti, penanaman semula pokok tua dan pemulihan kebun getah terbiar. Foto Envato

Berita Berkaitan



Dewan Rakyat: Pengeluaran getah merosot, RISDA perkukuh pelan mitigasi

By Azib Zikry Abdul Halim **#bm, Malaysia November 2, 2026 12:28 PM**

KUALA LUMPUR, 2 Nov: Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) memperkukuh pelan mitigasi bagi menangani kemerosotan pengeluaran getah negara menerusi peningkatan produktiviti, penanaman semula pokok tua dan pemulihan kebun getah terbiar.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang berkata usaha itu turut memberi tumpuan kepada masalah kekurangan tenaga penoreh serta penyakit tanaman yang menjejaskan hasil getah pekebun kecil.

Menurutnya, menerusi Program Pengeluaran Hasil Getah Matang (PHGM), RISDA menyediakan input pertanian termasuk baja, peralatan menoreh dan perangsang lateks, selain bantuan penyelenggaraan kebun bagi meningkatkan hasil pengeluaran.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	UKAS
TAJUK	GEMA 2026 perkukuh perpaduan, pembangunan masyarakat desa di Batang Sadong
PAUTAN	https://tinyurl.com/3mx55av2

GEMA 2026 Perkukuh Perpaduan, Pembangunan Masyarakat Desa Di Batang Sadong



GEDONG: Program Gerakan Massa Masyarakat Desa (GEMA) @KKDW KEMAS Peringkat Parlimen Batang Sadong 2026 menjadi platform memperkukuh perpaduan, menyemarakkan semangat kebersamaan serta meningkatkan pembangunan masyarakat menerusi pelbagai pengisian yang memberi manfaat kepada komuniti setempat.

Penasihat PKS, Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak (MINTRED), Dato Sri Mohd Naroden Majais berkata, GEMA merupakan wadah menyatukan rakyat dan menggerakkan masyarakat ke arah kehidupan lebih baik menerusi penglibatan aktif dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

"Pembangunan sesebuah kawasan tidak seharusnya diukur berdasarkan kemajuan infrastruktur, kemudahan awam atau peningkatan ekonomi semata-mata, sebaliknya turut bergantung kepada kualiti insan yang membentuk masyarakat tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program berkenaan di Dewan Datuk Patinggi Ali Gedong, di sini pada Ahad.

Pada majlis sama, seramai 97 peserta warga emas dari enam kampung menerima sijil penyertaan Kelas Pendidikan Literasi Fungsional (PLF) menerusi majlis graduasi yang diadakan bersempena program berkenaan.

Peserta tersebut terdiri daripada penduduk Kampung Ensengai Melayu, Kampung Ensengai Iban, Kampung Terasi, Kampung Pantong Melayu, Kampung Sungai Buluh dan Kampung Sageng Hulu.

Program PLF yang dahulunya dikenali sebagai Kelas Pembelajaran Dewasa (Buta Huruf) kini diberikan nafas baharu menerusi pendekatan dan modul pembelajaran yang lebih baik bagi meningkatkan tahap literasi serta pengetahuan golongan dewasa. -EDISI UKAS

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	The Rakyat Insight
TAJUK	Malaysia tak perlu arah rakyat simpan stok makanan, bekalan dijamin enam bulan
PAUTAN	https://tinyurl.com/mrvd7yhs



KUALA LUMPUR: Kedudukan bekalan makanan negara yang masih kukuh menyebabkan Malaysia tidak perlu mengeluarkan arahan kepada rakyat untuk membuat persediaan menyimpan barangan keperluan asas bagi menghadapi sebarang kemungkinan kecemasan. Rujukan Geografi

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kapasiti simpanan makanan negara ketika ini mampu menampung keperluan sekurang-kurangnya enam bulan, sekali gus memastikan bekalan mencukupi untuk rakyat dan warga asing di Malaysia.

Menurutnya, kerajaan tidak melihat keperluan untuk melaksanakan langkah seperti yang disarankan beberapa negara lain kerana tahap keterjaminan makanan negara masih berada pada kedudukan memadai.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Utusan Melayu Plus
TAJUK	Malaysia tidak berada dalam darurat, rakyat tak perlu simpan makanan
PAUTAN	https://tinyurl.com/t3et3b7r



"Malaysia tidak berada dalam darurat, rakyat tak perlu simpan makanan" – Zahid

Oleh **Wartawan UtusanMelayu+**

Utama 02/11/2026

Share Facebook WhatsApp

KAPASITI bekalan makanan di Malaysia mencukupi untuk sekurang-kurangnya enam bulan, sekali gus tidak memerlukan negara mengambil langkah kecemasan bagi menghadapi kemungkinan gangguan bekalan barangan keperluan asas ketika ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata kerajaan sentiasa memastikan keterjaminan makanan negara berada pada tahap yang baik, selain menjamin bekalan barangan keperluan asas mencukupi untuk rakyat dan individu yang berada di negara ini.

"Kita tidak nampak adanya keperluan ke arah itu kerana dari segi keterjaminan makanan dan tahap simpanan, ia mencukupi.

"Kita tahu bahawa sekurang-kurangnya kita mempunyai kapasiti selama enam bulan dari segi keterjaminan makanan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Mesyuarat Kerjasama Malaysia-China dalam Pelaburan, Perdagangan dan Pemerkasaan Ekonomi di Kuala Lumpur hari ini.

Search

Terkini

PM arah projek tebatan banjir RM700 juta dipercepat
03/11/2026

Rafizi selesai beri keterangan lebih dua jam berhubung dua laporan polis
03/11/2026

Tujuh projek gagal: Siapa perlu bertanggungjawab? MCW gesa siasatan
03/11/2026

MCMC siasat akaun Facebook didakwa hina Sultan Selangor
03/11/2026

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Sin Chew Daily
TAJUK	Hubungan perdagangan dan ekonomi Malaysia-China terima kesepakatan
PAUTAN	https://tinyurl.com/56ubfmmn



阿末扎希（前排左八起）与何超琼等代表团成员在会议开始前合影。（赖国华摄）

何超瓊率代表團訪馬會扎希

中企擬在馬投資609億

（吉隆坡2日讯）马中经贸迎来超级大单！中国全国工商联副主席何超琼率领58人中企代表团访马，今日与副首相拿督斯里阿末扎希面谈后，双方达成高达150亿美元（约609亿令吉）的初步投资意向，这也彰显了中国民企对大马投资潜力的强劲信心。

双方也就马中经贸合作、民营企业交流等共同关心的议题深入交换了意见。

阿末扎希在会议后召开新闻发布会指出，代表团专程到大马，希望在他们从事的领域中在我国进行投资，并希望通过与大马合作，能拓展他们在中国的投资活动。

“在我们刚才会面的初步意向显示，金额达到150亿美元。

扎希：在砂建厂发展绿色能源

“实际上我很久以前就一直争取让他们投资在砂拉越民都鲁的沙玛拉如，将铝产品推向国际市场，因为大马的市场太小了。

“他们不仅会投资建制造厂，还会投资绿色能源为制造厂供电，这对砂拉越有利。”

他表示已与砂拉越总理和多位来自砂拉越的部长讨论此事，让这项投资落在具有巨大工业潜力的沙玛拉如。

阿末扎希指出，代表团选择大马，是因为他们知道大马在投资方面拥有巨大的潜力，并对大马充满信心。

他说，将安排代表团与潜在的合作伙伴安排商业对接，并安排了相关部门的秘书长、副秘书长和总监进行讲解，因此他们已对我国的投资环境和奖掖措施有了解。

对电子电气半导体等感兴趣

他说，代表团对我国六个极具潜力的领域感兴趣，包括电子与电气及半导体，特种工业材料与精密工程、数字经济与科技基础设施、清真食品加工、健康科技与医药产品，以及旅游业。

其中针对旅游业，阿末扎希指出，在全球拥有连锁酒店的何超琼有意愿将产业拓展至大马。

他表示，电子与电气及半导体领域是代表团主要的焦点，因为知道大马相当重视半导体。

“他们也希望在数据中心建设、云计算及人工智能领域寻找机会。我已告诉他们，我们拥有相当多的数据中心，我们不鼓励建新的数据中心，但若他们有意向，最好与现有的公司合作或收购。”

盼通过马进军中东市场

对于清真领域，阿末扎希解释，他们希望通过大马这个平台将产品带入到中东市场，因为大马的产品更容易被接受，且我国的清真认证的全球闻名并有52年历史。“他们不仅希望能利用这个认证，还看重大马有利于投资的环境与气候，能让他们获得市场，虽然他们的产品获得美国FDA的批准，但没有清真认证。”

阿末扎希说，大马目前专注于高价值投资，不再是密集型劳动和无技能劳动，因此代表团所提供的投资大部分都采用自动化技术，相比以往的投资，这是好事。

何超瓊：實地走訪拓展合作

也是信德集团董事长的何超琼则感谢阿末扎希出席交流。

她表示，今年是中国“十五五”规划开局之年，也是“第13大马计划”起步之年。随着中国推进高水平对外开放，共建“一带一路”进入互利共赢新阶段，民营企业已成为中国参与全球合作的重要引擎。

她说，此次率中国民营企业家代表团到访马，希望通过实地走访和面对面交流，增进相互了解，拓展合作空间。

此次代表团由涵盖文旅融合、先进制造、数字科技、医药健康、品牌消费与产业投资等领域的中国企业家组成，既包括行业领军企业，也包括细分领域的专精特新“小巨人”企业。

会见期间，全国工商联副主席冷友斌、全国工商联执委廖平元及王佶、管秩生、杨倩、梁毅等企业家分别发言，介绍各自企业经营领域及与大马开展交流的意向。

此外，代表团还将拜会中国驻马大使馆，向新任大使汇报团组情况，听取指导意见；并走访马来西亚主要商协会和代表性企业，实地了解营商环境与市场机遇，就潜在合作领域深入对接，探讨互利合作可能。

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	TV3
TAJUK	Kerajaan perlu ikhtiar lunas segera tunggakan RM259.5 juta
PAUTAN	https://tinyurl.com/3xbdd5fc

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	TV3
TAJUK	Food supply: Zahid says no need to panic, national stockpile sufficient
PAUTAN	https://tinyurl.com/2c73dajp

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	TV1
TAJUK	China signals US$15 billion investment in Malaysia: Proposed investments target six high-tech, high-value sectors
PAUTAN	https://tinyurl.com/52st7sx6

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	TV1
TAJUK	National food security: Malaysia has six-month food supply, no emergency measures needed
PAUTAN	https://tinyurl.com/2fzsw96n

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	BERNAMA TV
TAJUK	Investment in Sarawak: Chinese investors eye aluminium and green energy projects in Bintulu
PAUTAN	https://tinyurl.com/bu2xrhr6


LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	TRAXX fm
TAJUK	No need for public to stockpile essential goods, says DPM
PAUTAN	https://tinyurl.com/3brstykp

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	TRAXX fm
TAJUK	Potential US$15b in investments from China
PAUTAN	https://tinyurl.com/2y5xmavs

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	NST
TAJUK	Potential US$15b in investments from China
PAUTAN	https://tinyurl.com/5n8pjwf8



KKDW.100-2/1/3 ( )

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **3 NOVEMBER 2026 (SELASA)**	
MEDIA	NST
TAJUK	DPM: Food supplies can last 6 months, no need to stockpile
PAUTAN	https://tinyurl.com/5bw28ntk

ESSENTIALS

DPM: Food supplies can last 6 months, no need to stockpile

KUALA LUMPUR: Malaysia has enough food supplies to last at least six months, so there is no need for the public to stockpile essentials, said Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Zahid, who is also National Disaster Management Committee chairman, was responding to reports that 33 countries had issued advisories urging citizens to stockpile food, water and other essentials for emergencies.

"We do not see the need for such measures," he said after the Malaysia-China Cooperation Meeting on Investment, Trade and Economic Empowerment yesterday.

Several countries, including France, the United Kingdom and Japan, have advised households to keep enough supplies to last at least three days amid concerns over conflicts, extreme weather and disruptions to critical services.

Zahid said the government had worked hard to ensure the essential needs of citizens and others living in Malaysia were met.

"We are not in a state of emergency."

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Zahid harap tunggakan bayaran projek KKDW selesai tahun ini
PAUTAN	https://tinyurl.com/d274tucs

Zahid harap tunggakan bayaran projek KKDW selesai tahun ini



BAGAN DATUK - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berharap, isu tunggakan bayaran bagi projek di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dapat diselesaikan menjelang akhir tahun ini.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, pihaknya akan berusaha memastikan bayaran bagi projek yang telah disiapkan serta tuntutan kemajuan kerja kepada kontraktor dan pembekal dapat dilunaskan.

"Mana-mana pembayaran kepada projek yang telah diselesaikan tetapi belum dapat pembayaran, kita akan ikhtiarkan agar dana itu dapat membuat pembayaran dan juga bayaran mengikut kerja-kerja kemajuan, bayaran kemajuan kepada kontraktor dan juga pembekal.



Ahmad Zahid (tengah) menyampaikan sumbangan kepada guru sekolah tadika bagi Parlimen Bagan Datuk pada Majlis Santunan Kasih Deepavali Bagan Datuk 2026 di Kompleks UMNO Bagan Datuk pada Ahad.

"Perkara ini telah saya jelaskan di Parlimen juga dan telah dijawab oleh Menteri Kewangan II, dan saya harap perkara ini dapat diselesaikan dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas menghadiri Majlis Santunan Kasih Deepavali 2026 di Dewan UMNO Bagan Datuk di sini pada Ahad.

Ahmad Zahid mengulas klip video yang dimuat naik Setiausaha Akhbar Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Fadzmel Fadzil di TikTok berhubung dakwaan kelewatan pembayaran projek bernilai lebih RM200 juta.

Pada 30 Oktober lepas, media melaporkan tunggakan bayaran interim kepada kontraktor serta pampasan kepada pemilik tanah berjumlah RM259.503 juta setakat 30 September lepas, membabitkan 112 projek. - *Bernama*

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Malaysia tidak perlu langkah kecemasan
PAUTAN	https://tinyurl.com/2vw4jd96

Malaysia tidak perlu langkah kecemasan - Ahmad Zahid

KUALA LUMPUR - Kapasiti bekalan makanan di Malaysia mencukupi untuk sekurang-kurangnya enam bulan, sekali gus tidak memerlukan negara mengambil langkah kecemasan bagi menghadapi kemungkinan gangguan bekalan barangan keperluan asas ketika ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan sentiasa memastikan keterjaminan makanan negara berada pada tahap yang baik, selain menjamin bekalan barangan keperluan asas mencukupi untuk rakyat dan individu yang berada di negara ini.

"Kita tidak nampak adanya keperluan ke arah itu kerana dari segi keterjaminan makanan dan tahap simpanan, ia mencukupi.

"Kita tahu sekurang-kurangnya kita mempunyai kapasiti selama enam bulan dari segi keterjaminan makanan," katanya selepas menghadiri Mesyuarat Kerjasama Malaysia-China dalam Pelaburan, Perdagangan dan Pemerkasaan Ekonomi di sini pada Isnin.


AHMAD ZAHID

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas langkah beberapa negara yang dilaporkan mengeluarkan panduan kepada rakyat supaya menyimpan bekalan makanan dan barangan keperluan asas sebagai persediaan menghadapi kemungkinan kecemasan.

Ahmad Zahid menegaskan Malaysia ketika ini tidak berada dalam keadaan darurat yang memerlukan rakyat menyimpan bekalan makanan dan barangan keperluan asas untuk menghadapi situasi kecemasan.

"Kita tidak berada dalam keadaan darurat dan insya-ALLAH jauh daripada keadaan darurat itu," katanya.

Sebelum ini, sekurang-kurangnya 33 negara di seluruh dunia dilapor mengeluarkan panduan menggalakkan rakyat menyimpan bekalan makanan, air minuman dan barangan keperluan asas sebagai persediaan menghadapi kemungkinan kecemasan.

Menurut laporan media antarabangsa, langkah itu diambil susulan pelbagai ancaman global, termasuk konflik bersenjata, cuaca ekstrem, gangguan bekalan elektrik dan serangan siber.

Antara negara yang mempergiat kempen kesiapsiagaan ialah Perancis dan United Kingdom yang menyarankan penduduk menyediakan bekalan keperluan asas mencukupi untuk sekurang-kurangnya 72 jam atau tiga hari. - *Bernama*

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **3 NOVEMBER 2026 (SELASA)**	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Isu bayaran kontraktor KKDW diharap selesai akhir tahun
PAUTAN	https://tinyurl.com/38wafy85

Isu bayaran kontraktor KKDW diharap selesai akhir tahun

Bagan Datuk: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berharap, isu tunggakan bayaran bagi projek di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dapat diselesaikan menjelang akhir tahun ini.

Timbalan Perdana Menteri yang yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, berkata pihaknya akan berusaha memastikan bayaran bagi projek yang telah disiapkan serta tuntutan kemajuan kerja kepada kontraktor dan pembekal dapat diluluskan.

"Mana-mana pembayaran kepada projek yang sudah diselesaikan, tetapi belum dapat pembayaran, kita akan ikhtiarkan agar dana itu dapat membuat pembayaran dan juga bayaran mengikut kerja-kerja kemajuan, bayaran kemajuan kepada kontraktor dan juga para pembekal.

"Perkara ini telah saya jelaskan di Parlimen juga dan telah dijawab Menteri Kewangan II dan saya harap perkara ini dapat diselesaikan dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Santunan Kasih Deepavali 2026 di Dewan UMNO Bagan Datuk di sini semalam.

Ahmad Zahid mengulas klip video dimuat naik Setiausaha Akhbar Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Fadzmel Fadzil, menerusi media sosial berhubung kelewatan pembayaran projek bernilai lebih RM200 juta.

Terdahulu, media melaporkan setakat 30 September lalu, tunggakan bayaran interim kepada kontraktor serta pampasan kepada pemilik tanah berjumlah RM259.503 juta membabitkan 112 projek.

Fadzmel yang juga EXCO Pemuda UMNO, mendakwa tunggakan berkenaan menjejaskan kontraktor kecil, termasuk kontraktor Bumiputera yang belum menerima bayaran walaupun kerja diselesaikan.

Dalam perkembangan berasingan, Ahmad Zahid berkata, pelajar yang dikenal pasti berada di kawasan berisiko banjir besar akibat Monsun Timur Laut (MTL) 2026/2027 akan dipindahkan ke sekolah berasrama bagi memastikan mereka dapat menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Timbalan Perdana Menteri berkata, perkara itu sudah dibincangkan bersama Menteri Pendidikan, Datuk Seri Fadhlina Sidek, dalam mesyuarat Kabinet minggu lalu.

"Pelajar yang dikenal pasti berada di kawasan berisiko banjir besar akan dipindahkan ke sekolah yang mempunyai kemudahan asrama," katanya yang Pengerusi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Beliau berkata, NADMA menjangkakan MTL tahun ini dijangka lebih buruk berbanding tahun sebelumnya selepas mengenal pasti beberapa titik panas yang berpotensi mengalami luruan hujan luar biasa berdasarkan ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

"Sistem amaran awal memberikan penduduk di kawasan berisiko dipindahkan lebih awal ke tempat selamat," katanya.

Antara negeri yang berisiko dilanda banjir ketika MTL ialah Kelantan, Terengganu, Kedah, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Mengulas kesiapsiagaan agensi berkaitan, Ahmad Zahid berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sudah menyediakan stok bantuan makanan dan khemah, manakala NGO serta persatuan radio amatur turut membantu dari segi komunikasi ketika bekalan elektrik terputus.

Dalam pada itu, beliau berkata, Bantuan Wang Ihsan (BWI) RM1,000 bagi setiap keluarga akan diberikan kepada mangsa yang berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **3 NOVEMBER 2026 (SELASA)**	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	Projek naik taraf JALB di Penampang pendekkan masa perjalanan penduduk pedalaman
PAUTAN	https://tinyurl.com/yucbt595

Projek naik taraf JALB di Penampang pendekkan masa perjalanan penduduk pedalaman

PENAMPANG: Perjalanan ke Kampung Buayan di pedalaman Penampang yang dahulunya mengambil masa hingga tujuh jam walaupun terletak kira-kira 30 kilometer dari pekan Donggongon, kini disingkatkan kepada 90 minit hasil pelaksanaan projek menaik taraf Jalan Luar Bandar (JALB).

Tinjauan Bernama mendapati, meskipun projek JALB Kampung Buayan dan Kampung Terian masih dalam pembinaan, kemudahan jalan yang semakin baik itu sudah mula mengubah kehidupan kira-kira 3,000 penduduk di tujuh perkampungan pedalaman berkenaan.

Pembangunan infrastruktur tersebut memberi manfaat langsung kepada penduduk Kampung Tiku, Kampung Timpayasa, Kampung Terian, Kampung Longkogungan, Kampung Buayan, Kampung Timpangoh Laut dan Kampung Mahansung.

Petani dari Kampung Longkogungan, Liew Lodukin, 62, berkata pembukaan laluan itu membolehkan penduduk memasarkan hasil tanaman di pekan Donggongon tanpa perlu lagi berjalan kaki selama berjam-jam sambil menggalas muatan.

"Syukur sangat-sangat kerana dengan adanya jalan raya ini, kami tidak lagi perlu berjalan kaki berjam-jam seperti dahulu, malah sekurang-kurangnya kenderaan pacuan empat roda sudah boleh masuk ke kampung," katanya ketika ditemui Bernama di Kampung Buayan.

Liew berkata sebelum adanya laluan berkenaan, penduduk kampung terpaksa berjalan kaki hampir 10 kilometer selama lima hingga enam jam semata-mata untuk sampai ke jalan utama sebelum menaiki kenderaan ke pekan Donggongon.

"Kemudahan ini sangat membantu kami khususnya golongan petani untuk membawa hasil tanaman ke bandar bagi dijual, sekali gus membuka peluang menambah pendapatan dan meningkatkan taraf hidup penduduk kampung," katanya.

Beliau berkata walaupun jalan batu kerikil ini hanya sesuai dilalui kenderaan pacuan empat roda, kemudahan itu tetap banyak membantu penduduk membawa keluar hasil pertanian yang sebelum ini sukar dipasarkan.

Sementara itu, penduduk Kampung Tiku, Alfredo Michael Gundidi Talah, 42, lega kerana akses baharu itu membolehkan warga pedalaman yang bekerja di bandar pulang ke kampung dengan lebih kerap, termasuk pada setiap hujung minggu.

Beliau berkata keadaan jalan sebelum ini yang merupakan laluan bekas lori balak dengan lubang berlumpur sedalam paras lutut amat menyukarkan pergerakan kenderaan dan mengehadkan hubungan dengan ahli keluarga di kampung.

"Keadaan jalan yang teruk sebelum ini menyukarkan kami keluar masuk kampung, tetapi sekarang kenderaan kecil pun sudah boleh melaluinya, malah saya sendiri boleh berulang-alik dari kampung ke tempat kerja di bandar setiap hari," katanya.

Alfredo berkata kemudahan jalan itu secara tidak langsung meringankan beban kewangan penduduk kerana mereka tidak perlu lagi menyewa bilik atau rumah di bandar yang mencecah RM750 sebulan.

Dalam pada itu, seorang lagi penduduk Kampung Longkogungan, Wilson Abel, 39, berharap pembangunan kemudahan asas di kawasan pedalaman tersebut turut merangkumi penyediaan sebuah klinik kesihatan.

Beliau berkata ketiadaan fasiliti perubatan berhampiran sebelum ini memaksa penduduk yang mengalami masalah kesihatan kritikal bergantung sepenuhnya kepada perkhidmatan helikopter kecemasan bagi mendapatkan rawatan di hospital.

Katanya, walaupun jaringan jalan raya kini bertambah baik, jarak yang masih jauh dari hospital daerah tetap menjadi kekangan besar bagi pesakit di pedalaman yang memerlukan rawatan segera.

Kedua-dua projek JALB Kampung Buayan dan Kampung Terian yang dimulakan pada 2024 dibiayai Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dengan peruntukan keseluruhan RM173.263 juta di bawah pemantauan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah.

Projek menaik taraf JALB Kampung Buayan sejauh 5.6 kilometer dan pembinaan dua buah jambatan yang membabitkan kos RM73.868 juta telah mencatat kemajuan fizikal sebanyak 76.64 peratus serta dijadual siap pada Ogos 2027.

Projek JALB Kampung Terian bernilai RM99.395 juta yang meliputi kerja naik taraf jalan sejauh 6.7 kilometer pula kini mencapai tahap kemajuan 57.83 peratus dengan sasaran siap sepenuhnya menjelang Mei 2028. — Bernama

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
